

PENTAKSIRAN SUMATIF

Masa : Satu jam

Arahan : Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A

[20 markah]

Masa yang dicadangkan : 15 minit

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 4

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Penduduk taman itu bimbang kerana banyak anjing liar yang _____ di taman permainan.
A. bertaburan
B. bertempiran
C. berkeliaran
D. berkejaran
2. Penduduk Kampung Muhibbah bergotong-royong membina _____.
A. bebalai
B. tetangga
C. lelangit
D. tetupai
3. Salmi dan rakan-rakannya tetap meneruskan pendakian ke puncak Gunung Tahan _____ menghadapi pelbagai rintangan.
A. sehingga
B. walaupun
C. setelah
D. kerana
4. Persembahan pakaian beragam bersempena dengan sambutan Bulan Patriotisme itu mendapat sambutan _____ murid-murid.
A. dari
B. pada
C. oleh
D. daripada

Soalan 5 hingga 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika ada kesalahan, tandakan A, B atau C. Jika tiada kesalahan, tandakan D.

5. Kawasan yang sesuai dijadikan tapak ternakan kerang adalah kawasan yang _____
A _____ B
terlindung daripada arus dan ombak laut.
C
Tiada kesalahan.
D
6. Baginda bersetuju untuk menganugerahkan _____
A _____ B
pingat kebesaran itu di Istana Negara.
C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 7 hingga Soalan 8

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I. Air kopi yang disimpan di dalam termos itu masih *hangat* lagi.
II. Berita kejayaan anak Pak Haris menjadi seorang doktor pakar masih *hangat* lagi.
III. Pertunjukan sarkas di bandar itu mendapat sambutan yang *hangat* daripada masyarakat.
IV. Dia berasa *hangat* apabila mendengar cerita keburukan anaknya.

A. I dan II sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja

8. I. Shahrul disuruh duduk *diam-diam* di rumah semasa ketiadaan ayah dan ibunya.
 - II. Dhiya masuk ke dalam rumah *diam-diam* supaya tidak disedari oleh adiknya.
 - III. *Diam-diam* abang Fuad telah berjaya menjadi usahawan di bandar.
 - IV. Fairuz menyuruh adik-adiknya duduk *diam-diam* kerana dia hendak mengulang kaji pelajaran.
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

Soalan 9 hingga Soalan 10

Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digaris. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika ada kesalahan, tandakan A, B atau C. Jika tiada kesalahan, tandakan D.

9. Ribu-ribu penonton telah menyaksikan majlis penutupan Sukan SEA yang ke-21 pada malam tadi.
 - A. Ribu-ribu orang penonton
 - B. Ribu-ribuan orang penonton
 - C. Beribu-ribu orang penonton
 - D. Ribu-ribu penonton
10. Iman memberitahu Cici yang dia jatuh cinta dengan keindahan dan kedamaian kampungnya.
 - A. beritahu Cici yang dia
 - B. beritahu Cici bahawa dia
 - C. memberitahu Cici bahawa dia
 - D. memberitahu Cici yang dia

Soalan 11 hingga Soalan 12

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

11. **Orang ramai dinasihatkan supaya menyimpan air kerana bekalan air mungkin akan terganggu di beberapa**

kawasan yang tertentu.

- A. Bekalan air yang terlibat dengan beberapa kawasan orang ramai akan terganggu dan mereka dinasihatkan supaya menyimpan air.
- B. Bekalan air di beberapa kawasan terlibat mungkin terganggu kerana tindakan orang ramai menyimpan bekalan air.
- C. Kawasan yang terlibat dengan gangguan bekalan air menasihatkan orang ramai supaya menyimpan air.
- D. Orang ramai dinasihatkan supaya menyimpan air kerana beberapa kawasan yang tertentu akan mengalami gangguan bekalan air.

12. **Permainan gasing digemari oleh penduduk di pantai timur terutama di Kelantan.**

- A. Penduduk di pantai timur terutama di Kelantan menggemari permainan gasing.
- B. Permainan gasing amat digemari oleh penduduk di pantai timur dan di Kelantan.
- C. Penduduk di pantai timur dan di Kelantan sering bermain gasing dalam kalangan mereka.
- D. Penduduk di Kelantan gemar bermain gasing yang berasal dari pantai timur.

Soalan 13 hingga Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

13. I. "Tolong jangan buat bising di kawasan ini," tegur pengawas itu.
 - II. Wakil rakyat kawasan itu memberikan sumbangan untuk pembangunan di situ.
 - III. Penguatkuasaan undang-undang akan dijalankan bagi mengatasi masalah lumba haram.
 - IV. Ibu menjahitkan adik baju baharu untuk dipakai pada hari raya nanti.
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

14. I. Halaman rumah Puan Rozita kelihatan bersih selepas dibersihkan oleh suaminya.
 II. Kawasan hutan itu musnah akibat aktiviti penerokaan hutan yang tidak terkawal.
 III. Pertandingan perbahasan itu terbuka kepada murid tingkatan satu ke tingkatan tiga.
 IV. Nenek memetik beberapa batang cendawan di ladang getah itu.
 A. I dan II sahaja
 B. III dan IV sahaja
 C. I, II dan III sahaja
 D. II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

15. Malaysia haruslah _____ dengan negara lain bagi membuktikan kemampuan negara dari segi ekonomi, politik dan sosial.
 A. berdiri sama tinggi, duduk sama rendah
 B. kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
 C. hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
 D. sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan dengan betul.

Tidak banyak orang yang mengetahui bahawa pokok kelulut adalah antara tumbuhan herba yang mempunyai nilai perubatan. Pokok kelulut mudah dijumpai kerana habitatnya adalah di kawasan tanah yang terbiar seperti di kampung-kampung yang belum dijengah pembangunan. Kulit luar buah kelulut yang sebesar kepala anak mancis itu berbulu dan mudah melekat pada pakaian dan rambut.

Pengamal-pengamal perubatan tradisional yang ditemui pihak MARDI mengakui bahawa pokok ini mempunyai nilai perubatan yang tinggi. Penyakit seperti sakit gigi dan sakit akibat luka-luka kecil dapat

dikurangkan dengan menggunakan pokok ini, bahkan demam yang berpanjangan dapat juga diredakan.

Sejenis tumbuhan lain yang daunnya dapat digunakan untuk menyembuhkan luka-luka kecil ialah pokok kapal terbang. Pokok ini mempunyai habitat yang sama dengan pokok kelulut. Kaedah yang digunakan untuk merawat luka kecil juga adalah sama, iaitu daunnya ditumbuk sehingga lumat dan ditempelkan pada luka. Campurkan sedikit air dan kapur agar daunnya mudah hancur dan berbuih.

16. Siapakah yang mengatakan bahawa pokok kelulut mempunyai nilai perubatan?
 A. Pihak MARDI
 B. Orang kampung
 C. Pengamal perubatan
 D. Pengguna pokok kelulut
17. Mengapakah kita mesti mengelakkan daripada terlanggar pokok kelulut?
 A. Khasiatnya akan tawar
 B. Daunnya mudah hancur
 C. Kita akan mengalami luka kecil
 D. Buahnya akan terlekat pada pakaian
18. Apakah persamaan antara pokok kelulut dengan pokok kapal terbang?
 A. Sukar untuk ditemukan
 B. Buah yang akan melekat pada pakaian
 C. Dapat hidup di kawasan yang sama
 D. Menjadi tanaman utama penduduk kampung

19. Pokok kelulut dikatakan mudah ditemukan di kawasan kampung atau kawasan pedalaman kerana
- A. kawasan tersebut belum membangun
 - B. kawasan itu tidak mempunyai binatang buas
 - C. pokok ini banyak ditanam oleh penduduknya
 - D. kemudahan hospital belum terdapat di situ
20. Pada pendapat anda, mengapakah daun kelulut atau daun kapal terbang ditumbuk sebelum diletakkan pada luka?
- A. Daun mudah ditempelkan
 - B. Daun itu tidak cepat busuk
 - C. Daun itu menjadi lebih bersih
 - D. Jusnya mudah meresap pada luka

BAHAGIAN B

[20 markah]

1. Nyatakan jenis-jenis ayat pasif di bawah sama ada **ayat majmuk gabungan**, **ayat majmuk pancangan** atau **ayat majmuk campuran**.

- i. Rumah datuk saya besar dan cantik.
- ii. Uwais memberitahu Rizaida bahawa dia akan berpindah ke Melaka kerana keluarganya akan bekerja di sana.
- iii. Hang Tuah memegang keris dan Hang Kebun memegang cangkul.
- iv. Perempuan yang menjual air tebu itu ialah bapa saudara saya.
- v. Sadrina ke perpustakaan untuk meminjam buku rujukan Bahasa Melayu.

2. Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** di bawah kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya..

- i. Ensiklopedia yang tebal itu kamu simpan di mana?
- ii. Anak-anak benih di dalam pasu bunga itu sudah bercambah.
- iii. Masakan kampung yang disediakan oleh Nek Piah sedap betul.
- iv. Kami sekeluarga ke Kota Kinabalu untuk menghadiri majlis konvokesyen abang saya.
- v. Penularan wabak denggi di negara ini dapat diatasi jika rakyat dan pihak kerajaan saling bekerjasama.

3. Tukarkan **ayat aktif** di bawah kepada **ayat pasif**.

- i. Saya membaca buku cerita yang tebal itu dalam masa dua hari sahaja.
- ii. Encik Tan akan membuka sebuah bengkel membaiki kereta di sana.
- iii. Abang menerima e-mel tawaran kerja daripada syarikat ternama itu.
- iv. Amira mengetahui tawaran memasuki sekolah berasrama penuh pada pagi tadi.
- v. Kami akan menduduki peperiksaan SPM pada hujung tahun ini.

4. Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **subjek** dan **predikat** ayat-ayat tersebut.

- i. Terletak di sebelah Pusat Dagangan Dunia Putra bangunan itu.

Subjek	
Predikat	

- ii. Sumbangan kewangan itu diperoleh daripada Yayasan Selangor.

Subjek	
Predikat	

- iii. Kemudahan yang terdapat di sini untuk golongan orang kurang upaya.

Subjek	
Predikat	

- iv. Kelima-lima orang pemuda yang terlibat dalam kejadian gempa bumi di Gunung Everest itu rakyat Malaysia.

Subjek	
Predikat	

- v. Sejak di bangku sekolah lagi, abang gemar membantu guru-gurunya.

Subjek	
Predikat	

BAHAGIAN C

[20 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut. **Tulis kesalahan dan jawapan** pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- Puan Hasnah menghidangkan goreng pisang untuk jiran-jiran yang bertandang ke rumahnya.
- Baginda telah bersetuju untuk mencemar duli bagi menyempurnakan majlis penganugerahan darjah kebesaran.
- Kebanyakan pelancong yang berkunjung ke Pulau Tioman akan terpikat kepada keindahan dasar lautnya.
- Perpaduan yang wujud di antara rakyat berbilang kaum menjadi pemangkin utama kemajuan negara kita.
- Akibat bertolak-tolak ketika menuruni tangga, dua orang murid itu telah mengalami kecederaan ringan.
- “Patik menjunjung kasih kerana tuanku berkenan untuk berangkat ke majlis jamuan diraja ini,” kata juruacara majlis itu.

- vii. Pihak pengurusan Angsana Hotel menawarkan pakej penginapan yang menarik kepada orang ramai sempena cuti sekolah.
- viii. Selain daripada persekitaran yang indah, kami tertarik akan keindahan seni bina rumah di kawasan ini.
- ix. Teks novel “Jalan Ke Puncak” telah dibaca oleh kami berulang kali pada cuti akhir tahun lalu.
- x. Pihak sekolah mempunyai senarai nama-nama murid yang terlibat dalam kes ponteng sekolah sejak minggu lepas.

2. Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruangan jawapan yang diberikan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Cuaca yang lembab dan tidak menentu semakin menyukarkan usaha-usaha mencari dan menyelamatkan mangsa tanah runtuh itu.
- ii. Kegiatan pembalakkan tidak dibenarkan di kawasan tersebut kerana dikhuatiri akan merosakkan ekosistem habitat di situ.
- iii. Masalah jenayah dalam kalangan murid sekolah semakin serious.
- iv. Suasana pembelajaran yang kondusif di dalam kelas mampu untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.
- v. Produk kraftangan penduduk di Pulau Langkawi berjaya menembusi pasaran negara jiran.
- vi. Losyen keluaran syarikat kosmetik itu ternyata dapat melembutkan kulit dalam jangka masa yang singkat.
- vii. Dalam aspek multi-media, animasi merupakan elemen yang mampu meningkatkan daya tarikan sesebuah perisian.
- viii. Tanggung jawab ibu bapa bukan setakat menyediakan keperluan asas tetapi juga harus memberikan kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak.
- ix. Tengku Ampuan Rahimah berkongsi resepi hidangan istana Selangor dengan penduduk tempatan.
- x. Latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh jabatan mestilah disertai oleh semua kaki tangan kerajaan.

SELAMAT MENJAWAB

